

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan terkini yang lebih efektif dalam mengawal penyalahgunaan daun ketum terutamanya di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kawalan terhadap ketum telah dilaksanakan sejak tahun 2003 apabila alkaloid *mitragynine* yang terdapat dalam daun ketum disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952. Kawalan ini merangkumi kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Di bawah Akta dan Peraturan ini, sesiapa yang mengimport, mengeksport, menjual, membekal, memiliki atau menggunakan bahan psikotropik secara bertentangan dengan kehendak Akta dan Peraturan tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Di bawah peruntukan Akta Racun 1952 ini, Polis Diraja Malaysia telah melakukan tangkapan dan rampasan ketum bagi menghindari penyalahgunaan seperti berikut:

- (a) Pada tahun 2018, seramai 5,901 orang telah ditangkap manakala rampasan bagi air dan daun ketum adalah masing-masing sebanyak 233,525.90 liter dan 87,563.90 kg.
- (b) Pada tahun 2019 (Januari sehingga Ogos), seramai 5,381 orang telah ditangkap manakala rampasan air dan daun ketum adalah masing-masing sebanyak 49,449.35 liter dan 99,469.21 kg.

Bagi meningkatkan kawalan terhadap ketum, Kementerian Kesihatan Malaysia kini sedang membuat pindaan ke atas Akta Racun 1952 untuk meluaskan skop kawalan ke atas penanaman pokok ketum dan mengenakan denda serta hukuman yang lebih berat ke atas aktiviti pengedaran.